

Headline	Bahan alternatif buat perabot		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	42	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	484 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fairuf Asmaini Mohd Pilus	AdValue	RM 18,994
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,982



# Bahan alternatif buat perabot

■ **Kajian FRIM dapati spesies sesenduk, kelempayan, khaya berpotensi untuk dikomersialkan**

Foto: ZUNNUR AI SHAFIQ

**Fairuf Asmaini Mohd Pilus**  
asmaini@hmetro.com.my

**A**pabila menyentuh mengenai industri pembuatan perabot di negara ini, ramai mengaitkannya dengan beberapa jenis pokok saja terutama getah, jati, meranti dan sebagainya yang lebih popular.

Sebenarnya, hasil hutan daripada pokok yang kurang popular seperti spesies sesenduk, kelempayan, khaya dan jelutong juga mempunyai potensi tinggi untuk menjadi bahan alternatif pembuatan perabot.

Selain itu, bahan mentah daripada hasil bukan kayu seperti kelapa, kelapa sawit dan buluh juga sebenarnya mempunyai potensi besar untuk industri berkenaan.

wai Penyelidik Unit Reka-bentuk Perabot, Institut Penyelidikan Perhutanan Ma-

aysia (FRIM) Yanti Abdul Kadir berkata, kayu pokok berkenaan juga berkualiti dan kajian yang dijalankan turut membuktikan strukturnya juga kukuh seperti beberapa spesies kayu popular yang lain.

Katanya, pada sebatang pokok kelapa, semua yang dicipta oleh Allah SWT ada kegunaannya.

“Daripada buah, batang hinggalah kepada pelepah semua boleh memberi hasil dan manfaat jika kita menggunakan sepenuhnya kemajuan teknologi penyelidikan yang ada.

“Namun, masih ramai yang ragu-ragu mengenai kualiti kayu pokok kelapa, kelapa sawit dan buluh kerana menganggap ia tidak sekuat seperti spesies kayu

pokok lain,” katanya ketika ditemui, di sini.

Menurut Yanti, pasukannya yang diketuai Ketua Unit Reka Bentuk Perabot Dr Abdul Hamid Saleh sebelum ini melakukan penyelidikan mengenai potensi batang pokok kelapa, kelapa sawit dan buluh untuk dijadikan sebagai bahan alternatif pembuatan perabot.

Katanya, penyelidikan itu mendapat pengiktirafan banyak pihak kerana memenangi pingat emas di Ekspo Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2010 dan ITEX 2012, pingat perak Anugerah Bio-inovasi 2013 dan Malaysia Teknologi Expo 2013 (MTE), tempat ketiga Festival Sains Teknologi dan Inovasi Selangor 2010 serta pelbagai lagi.

“Di peringkat FRIM, penyelidikan ini turut diiktiraf

sebagai Penyelidikan Terbaik 2014 bagi Buluh dan 2012 bagi E-PAWV (Engineered Palm Wood Veneer) manakala kajian buluh yang diberi nama teknologi Rotary Veneer Bamboo (RoVBAM) dalam proses paten,” katanya.

Kata Yanti, produk daripada buluh biasanya dijadikan penyepit makanan, bilah

sate atau barangan kraf cenderung, namun tidak ramai yang mengetahui ia mempunyai potensi besar untuk dijadikan bahan alternatif bagi industri pembuatan perabot.

Katanya, veneer yang diputas melalui teknologi putaran RoVBAM yang dihasilkan FRIM adalah teknologi putaran pertama seumpamanya atau untuk buluh betung (*Dendrocalamus asper*) dijadikan lapisan.

## Wajah Kehidupan

Malaysia sememangnya kaya dengan hasil hutan dan ia secara tidak langsung turut meningkatkan lagi industri perabot di negara ini.

Meskipun ada banyak spesies pokok kayu yang boleh dijadikan sebagai bahan alternatif bagi membuat perabot namun masih tidak

dikomersialkan.

Ia mendorong sekumpulan penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) membuat kajian mengenai kualiti pokok kelapa, buluh dan pokok kelapa sawit seterusnya menghasilkan perabot daripada bahan berkenaan.



Headline	Bahan alternatif buat perabot		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	42	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	484 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fairuf Asmaini Mohd Pilus	AdValue	RM 18,994
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,982

## >> Menang pingat **emas** di Ekspo Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2010 dan ITEX 2012

**ESOK: Daripada pegawai penyelidik biasa kini Ketua Pengarah FRIM**



**ANTARA produk buluh yang dihasilkan FRIM.**

